





FAKULTI PERUBATAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



2025 / 2026

PROSPEKTUS

PROGRAM PASCASISWAZAH

**DOKTOR PAKAR PATOLOGI
(MIKROBIOLOGI PERUBATAN)**

2025 / 2026



“Universiti Kebangsaan ini merupakan puncak dari usaha kita ke arah memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat yang ingin melihat bahawa bahasa ibunda mempunyai kedaulatan dan kedudukan yang sewajarnya di dalam usaha memenuhi keperibadian nasional”

Ucapan Tun Abdul Razak di Konvokesyen Pertama UKM, 1973



Falsafah, Wawasan, Misi dan Matlamat UKM

Falsafah

Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti.

Wawasan

UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamis, berilmu dan berakhlak mulia.

Misi

Menjadi Universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

Matlamat

Untuk menjadi pusat keilmuan yang terkehadapan, berteknologi dan berdaya saing yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai pusat bahasa ilmu, membangun masyarakat dinamis dan berakhlak mulia, mengantarabangsakan citra dan sumbangan UKM bagi masyarakat sejagat, menjana teknologi yang bermanfaat kepada masyarakat.



Latar Belakang Fakulti Perubatan UKM

Fakulti Perubatan telah ditubuhkan pada 30 Mei 1972 dengan Dekan pertama Dato' Dr. Amir Abas. Tujuan penubuhan Fakulti ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar aliran kebangsaan mengikuti kursus perubatan dan dapat melahirkan ramai doktor-doktor Melayu dan tempatan. Fakulti ini memulakan kursus pra-perubatan di Fakulti Sains UKM Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur pada Mei 1973 dengan pengambilan seramai 44 orang pelajar (39 lelaki dan 5 perempuan). Kursus perubatan praklinikal bermula pada bulan Mei 1974 di bangunan sementara Fakulti Perubatan di Jalan Raja Muda Abdul Aziz dalam Kompleks Hospital Kuala Lumpur. Pada 27 Februari 1975, Menteri Kesihatan Tan Sri Lee Siok Yew telah mengisytiharkan Hospital Kuala Lumpur sebagai Hospital Pengajar Fakulti Perubatan UKM bagi latihan tahun klinikal.

Pada awal penubuhannya, Fakulti Perubatan telah mendapatkan khidmat tenaga pengajar pinjaman dari Indonesia untuk pengajaran praklinikal dan dari negara-negara Commonwealth untuk pengajaran klinikal sementara menunggu pensyarah-pensyarah pelatih UKM kembali dari latihan perubatan di luar negara. Peperiksaan Ikhtisas Akhir Ijazah Doktor Perubatan yang pertama telah diadakan pada 19 hingga 31 Mac 1979 dan daripada 42 orang pelajar yang mengambil peperiksaan, 37 daripadanya telah lulus dan dikurniakan Ijazah Doktor Perubatan. Ini merupakan detik gemilang bagi Fakulti Perubatan khususnya dan UKM amnya kerana telah berjaya mengeluarkan graduan pertama Ijazah Doktor Perubatan. Fakulti juga telah memulakan program sarjana kepakaran perubatan mulai sesi 1981/82 bermula dengan Sarjana Surgeri (Surgeri Am) dan Sarjana Surgeri (Ortopedik) dan diikuti dengan Sarjana Sains Perubatan dan Doktor Falsafah.

Pada awal 1990, Fakulti bercadang menubuhkan hospital pengajarnya sendiri dan pada 2 November 1993 pembinaan Hospital UKM (HUKM) telah dimulakan di tapak seluas 23 hektar di Jalan Tenteram, Bandar Tun Razak, Cheras. Pada 1 Julai 1997 HUKM telah siap dan memulakan operasinya. Pejabat Dekan dan jabatan-jabatan klinikal telah berpindah ke kompleks HUKM sementara jabatan-jabatan praklinikal masih mendiami kampus Jalan Raja Muda Abdul Aziz dan pelajar-pelajarnya menginap di Kolej Tun Dr. Syed Nasir, Jalan Temerloh, Kuala Lumpur; sementara pembelajaran Tahun III, IV, dan V dilakukan di HUKM dan pelajar-pelajarnya menginap di Kolej Tun Dr. Ismail. HUKM mempunyai keluasan lantai 200,000 meter persegi, kos pembinaannya bernilai RM 327,822,000.00 dan boleh menampung 1054 katil pesakit. Fakulti juga menawarkan program-program kejururawatan seperti Sarjanamuda Kejururawatan Dengan Kepujian, Diploma Kejururawatan dan Diploma Lanjutan Kebidanan. Fakulti juga telah mengorak langkah dengan menawarkan program Sarjana Kepakaran Lanjutan seperti Sarjana Lanjutan Dermatologi, Sarjana Lanjutan Kardiologi dan Sarjana Lanjutan Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja. Sehingga kini, Fakulti Perubatan telah melahirkan 4423 orang doktor perubatan dan lebih 2100 orang pakar klinikal.


Misi dan Visi Fakulti Perubatan UKM

Misi

Untuk memberi pendidikan dalam penyediaan profesional perubatan dan perkhidmatan bermutu tinggi berteraskan penyelidikan dalil perubatan, inovasi dan kepekaan sosial.

Visi

Untuk menjadi hab akademik perubatan yang terkehadapan dan berdaya saing berteraskan ilmu, inovasi dan pasukan profesional perubatan yang berdedikasi dalam membentuk masyarakat yang sihat dan bermaklumat.



Latar Belakang Program Kepakaran Klinikal UKM

Patologi adalah kajian penyakit di tahap struktur (organ), selular (tisu dan sel), dan molekul (gen dan protein) dan memberikan pemahaman tentang manifestasi dan komplikasi penyakit. Oleh itu, Patologi digambarkan sebagai "asas perubatan" dan "sains di sebalik penyembuhan." Di Malaysia, bidang Patologi telah berkembang menjadi beberapa kepakaran, seperti Patologi Anatomi, Patologi Forensik, Hematologi, Patologi Kimia, Mikrobiologi Perubatan, Imunologi Perubatan dan Patologi Genetik.

Apabila negara mencapai kemerdekaan, terdapat kekurangan besar pakar perubatan dalam perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Malaysia. Pada mulanya, Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM) diberi mandat pada 1973 untuk melatih pakar perubatan bagi memenuhi keperluan negara. Tiga program kepakaran pertama diwujudkan iaitu (1) Sarjana Patologi (MPath), (2) Sarjana Perubatan Psikologi dan (3) Sarjana Kesihatan Awam. Program MPath asal adalah kursus 2 tahun. Pada tahun 1987, ia ditukar kepada program 4 tahun dengan pengkhususan dalam pelbagai kepakaran untuk memenuhi perkembangan dan kemajuan dalam amalan perubatan.

Di awal penubuhan bidang Mikrobiologi Perubatan, Fakulti Perubatan UKM, kumpulan pertama pelatih dalam bidang ini terdiri daripada Dr Victor KE Lim, Dr Farida Jamal dan Dr Faridah Moosedin. Mereka memperolehi MSc(Med.Microbiology)(London) di bawah London School of Hygiene and Tropical Medicine, United Kingdom. Ini diikuti oleh Dr Ilina Isahak dan Dr Sabiha Pit. Antara tahun 1984-1985, kumpulan ketiga antaranya terdiri daripada Dr Yasmin A. Malik, Dr Salasawati Hussin dan Dr Nordiah Awang Jalil melanjutkan pelajaran ke peringkat MSc(Med.Microbiology)(London) dan Dr Marlyn Mohammad MSc (Med.Immunology)(London), United Kingdom. Dr Victor KE Lim, Dr Yasmin A. Malik, Dr Sabiha Pit juga memperolehi kelulusan FRCPath(UK). Program MPath dimulakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1988 dan Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1992. Pengambilan kumpulan pertama program MPath UKM bermula pada tahun 1988, manakala kumpulan pertama program MPath(Med.Microbiology) bermula pada tahun 1992, dengan 2 orang calon yang bergraduat pada tahun 1996.

Pada tahun 1995, kurikulum dan peperiksaan gabungan bersama ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Bersama Sarjana Perubatan Patologi (JBSP Patologi) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), untuk memastikan standard yang sama dalam latihan dan kelayakan pakar Patologi. Keahlian jawatankuasa ini adalah terdiri daripada wakil dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Kementerian Kesihatan (KKM) dan College of Pathologists, Academy of Medicine Malaysia (CPath AMM). Pada 2007 and kemudian 2012, Universiti Putra Malaysia (UPM) and Universiti Teknologi MARA (UiTM) masing-masing memulakan program MPath dan menyertai gabungan ini.

Program ini menyediakan latihan kepakaran perubatan yang cekap dan mencukupi untuk menyampaikan perkhidmatan makmal Patologi yang berkualiti dan komprehensif selari dengan pembangunan perkhidmatan perubatan dan kesihatan awam Malaysia. Graduan program MPath(Med.Microbiology) UKM bermula dari kumpulan pertama pada tahun 1996 sehingga tahun 2012 adalah seramai 45 orang. Berikutan pertukaran nama program kepada DrPath(Med.Microbiology), graduan bermula tahun 2013 sehingga 2023 adalah seramai 43 orang, menjadikan jumlah keseluruhan graduan program ini setakat ini seramai 88 orang.


Sehingga Disember 2023, jumlah keseluruhan pakar semua disiplin Patologi didaftarkan di National Specialist Register (NSR) adalah 926 orang. Pakar Mikrobiologi Klinikal terdiri daripada 191 (20.6%) daripada jumlah pakar Patologi yang tersenarai. Kejadian wabak penyakit berjangkit menekankan keperluan untuk Pakar Mikrobiologi Klinikal seluruh negara. Kemajuan dalam pengetahuan dan teknologi dalam pengesanan penyakit telah meningkatkan lagi skop dan peranan penting kepakaran ini. Peningkatan besar dalam bilangan makmal hospital pengajaran, swasta dan Kementerian Pertahanan juga meningkatkan keperluan ahli mikrobiologi.

Mikrobiologi Perubatan adalah kepakaran diagnostik yang melibatkan diagnosis penyakit berjangkit berdasarkan aplikasi pelbagai modaliti diagnostik untuk mengesan agen etiologi. Perkhidmatan diagnostik mikrobiologi termasuk bakteriologi, virologi, mikologi, parasitologi dan imunologi klinikal. Pakar Mikrobiologi Klinikal terlibat dalam pencegahan, diagnosis dan rawatan penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma iaitu bakteria, virus, kulat dan parasit. Mereka memberi nasihat tentang sampel terbaik untuk dikumpulkan bagi mendiagnosis jangkitan, seperti darah, swab dan sampel respiratori. Mereka kemudian bekerja dengan saintis di makmal untuk mengetahui organisma yang menyebabkan jangkitan, serta mengenalpasti rawatan antimikrob terbaik untuk penyakit berjangkit dan memantau rawatan pesakit.

Pakar Mikrobiologi Klinikal berperanan penting dalam memastikan antibiotik ditetapkan dan digunakan dengan sewajarnya, dengan menasihati pengurusan pesakit dan menghasilkan garis panduan rawatan. Ini sebahagiannya untuk meminimumkan kemunculan dan penyebaran kerintangan antimikrob. Kerjasama rapat dijalinan dengan unit kawalan infeksi dan program Antimicrobial Stewardship. Mereka juga mempromosikan langkah-langkah mencegah dan mengawal penularan penyakit di hospital dan di peringkat kesihatan awam, termasuk penglibatan dalam bidang vaksin. Selain daripada tugas klinikal, pakar Mikrobiologi Klinikal juga terlibat dalam aktiviti penyelidikan, serta bekerjasama rapat dengan saintis dan kakitangan teknikal dalam pengurusan makmal.

Keistimewaan bidang Mikrobiologi Perubatan memerlukan kedua-dua kemahiran makmal dan klinikal. Ia adalah disiplin progresif dengan evolusi pesat teknologi baru dalam diagnosis. Kemunculan dan kemunculan semula penyakit berjangkit menambahkan dinamik dan penerokaan dalam kepakaran, serta kemungkinan berlakunya penyakit berjangkit baru yang tidak dapat diramalkan. Peranan dalam surveilans dan pengurusan wabak menekankan kepentingan kepakaran ini.


Pakar mikrobiologi klinikal bekerja rapat dengan pelbagai profesional penjagaan kesihatan seperti saintis bioperubatan, ahli farmasi, pengamal am dan jururawat kawalan infeksi, serta menghadiri mesyuarat pasukan pelbagai disiplin. Mereka juga bekerja dengan pihak bukan klinikal dan pengurusan hospital, dalam pelbagai isu pencegahan jangkitan, kemudahan pesakit, dan penyelenggaraan prasarana. Penyebaran jangkitan global bermakna ahli mikrobiologi perlu bekerja secara kolaboratif dengan rakan sekerja di luar negara, dalam membendung ancaman jangkitan global.



Program Doktor Pakar Patologi (Mikrobiologi Perubatan)

STRUKTUR PENGAJIAN

Tempoh Pembelajaran

 4 tahun (8 semester)

 Tempoh maksima : 7 tahun (14 semester)

Pembelajaran terbahagi kepada 2 bahagian:

BAHAGIAN 1 (TAHUN 1)

 Minimum 1 tahun, maksimum 2 tahun

Kursus yang ditawarkan dalam tahun 1:

Semester 1

FPU6113 - Patologi Umum (Hematologi) I
FFPU6213 - Patologi Umum (Patologi Anatomik) I
FFPU6313 - Patologi Umum (Patologi Kimia) I
FFPU6413 - Patologi Umum (Mikrobiologi Perubatan) I
FFFQ6611 - Pembangunan Personal & Profesional I

Semester 2

FFPU6123 - Patologi Umum (Hematologi) II
FFPU6223 - Patologi Umum (Patologi Anatomik) II
FFPU6323 - Patologi Umum (Patologi Kimia) II
FFPU6423 - Patologi Umum (Mikrobiologi Perubatan) II
FFFQ6621 - Pembangunan Personal & Profesional II

Pelajar akan menduduki peperiksaan Bahagian 1 merangkumi semua bidang patologi pada hujung semester 2 tahun 1 - Teori (MCQ & Essay) dan praktikal (OSPE). Bahagian 1 tamat selepas calon lulus Peperiksaan Bahagian 1

Program Doktor Pakar Patologi (Mikrobiologi Perubatan)

BAHAGIAN 2 (TAHUN 2-4)

 Minimum 3 tahun (6 semester)

Kursus yang ditawarkan dalam tahun 2:

Semester 3 (Tahun 2)

FFPM6135 Bakteriologi I
FFPM6234 Virologi I
FFPM6333 Imunologi I
FFPM6431 Mikologi I
FFPM6531 Parasitologi I
FFPM6732 Penyelidikan
(Mikrobiologi Perubatan) I:
Sorotan Kajian
FFFQ6631 Pembangunan
Personal & Profesional III

Semester 4 (Tahun 2)

FFPM6145 Bakteriologi II
FFPM6244 Virologi II
FFPM6343 Imunologi II
FFPM6441 Mikologi II
FFPM6642 Penyelidikan
(Mikrobiologi Perubatan) II:
Proposal
FFFQ6641 Pembangunan
Personal & Profesional IV

Kursus yang ditawarkan dalam tahun 3:

Semester 5 (Tahun 3)

FFPM6155 Bakteriologi III
FFPM6254 Virologi III
FFPM6353 Imunologi III
FFPM6551 Mikologi III
FFPM6652 Penyelidikan
(Mikrobiologi Perubatan) III:
Pengutipan Data
FFFQ6651 Pembangunan
Personal & Profesional V

Semester 6 (Tahun 3)

FFPM6165 Bakteriologi IV
FFPM6264 Virologi IV
FFPM6363 Imunologi IV
FFPM6461 Mikologi IV
FFPM6662 Penyelidikan
(Mikrobiologi Perubatan) IV:
Penganalisan Data
FFFQ6661 Pembangunan
Personal & Profesional VI

Kursus yang ditawarkan dalam tahun 4:

Semester 7 (Tahun 4)

FFPM6175 Bakteriologi V
FFPM6274 Virologi V
FFPM6373 Imunologi V
FFPM6471 Mikologi V
FFFQ6671 Pembangunan
Personal & Profesional VII
FFPM6672 Penyelidikan
(Mikrobiologi Perubatan) V:
Penulisan Tesis

Semester 8 (Tahun 4)

FFPM6185 Bakteriologi VI
FFPM6284 Virologi VI
FFPM6383 Imunologi VI
FFPM6481 Mikologi VI
FFPM6581 Parasitologi II
FFFQ6681 Pembangunan
Personal & Profesional VIII
FFPM6782 Penyelidikan
(Mikrobiologi Perubatan) VI:
Pembentangan Tesis &
Penulisan Artikel

Program Doktor Pakar Patologi (Mikrobiologi Perubatan)

Objektif Pendidikan Program

1. Untuk memenuhi keperluan negara dalam bidang Patologi (Mikrobiologi Perubatan).
2. Untuk menghasilkan ahli patologi (Mikrobiologi Perubatan) yang kompeten yang akan memberikan perkhidmatan klinikal dan pengurusan makmal yang berkualiti.
3. Untuk menggalakkan pengantarabangsaan aktiviti akademik, penyelidikan dan perkhidmatan berkaitan dengan patologi (Mikrobiologi Perubatan).

Hasil Pembelajaran Program

1. Menunjukkan kecekapan dalam mengendalikan spesimen, termasuk pengumpulan dan pemprosesan, penyimpanan, pengekalan dan pelupusan sampel klinikal, penyimpanan data, pengambilan data dan pengurusan maklumat makmal.
2. Menjalankan aktiviti jaminan kualiti yang berkaitan berkaitan dengan akreditasi makmal mikrobiologi.
3. Mentafsir dan mengesahkan keputusan peperiksaan makmal berhubung dengan sejarah klinikal yang berkaitan.
4. Menyediakan perundingan dalam pengurusan penyakit berjangkit dan penyakit pengantara imunologi, kawalan jangkitan hospital dan polisi antibiotik.
5. Menguruskan makmal dengan berkesan berhubung dengan kakitangan, teknikal, peralatan, reagen dan bahan guna guna, perkhidmatan dan hal kewangan.
6. Menjalankan penyelidikan dengan cekap mengikut Amalan Klinikal Baik.
7. Memaparkan etika profesional, nilai, sikap dan keperluan undang-undang yang berkaitan dengan amalan.

Program Doktor Pakar Patologi (Mikrobiologi Perubatan)

Tenaga Pengajar dari Jabatan Mikrobiologi & Imunologi Perubatan



Prof. Madya Dr.
Asrul Abdul
Wahab



Prof. Madya Dr.
Tzar Mohd Nizam
Khaithir



Prof. Madya Dr.
Ramliza Ramli



Prof. Madya Dr.
Ding Chuan Hun



Prof. Madya Dr.
Alfizah Hanafiah



Prof. Madya
Datin Dr. Noor
Zetti Zainol
Rashid



Dr. Siti Norlia
Othman



Dr. Umi Kalsom
@ Satariah Ali



Dr. Zalina Ismail



Datin Dr. Anita
Sulong



Dr. Muttaqillah
Najihan Abdul
Samat




Dr. Wong Kon
Ken



Dr. Jauhary
Effendy Juma'at



Dr. Asiyah Nordin



SYARAT KEMASUKAN

- ➔ Berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan mempunyai sijil pendaftaran penuh oleh MPM.
- ➔ Calon adalah lulusan universiti yang diiktiraf oleh majlis perubatan Malaysia dan Senat.
- ➔ Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya 3 tahun setelah memperolehi ijazah perubatan asas.
- ➔ Mendapat keputusan yang memuaskan (band 4-6) dalam peperiksaan prakemasukan Patologi iaitu Medical Specialist Pre-Entrance Exam (MedEx).
- ➔ Melempi proses saringan kemasukan ke program yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa kesepakaran.

SYARAT TAMBAHAN PELAJAR ANTARABANGSA

- ➔ Mempunyai Sijil Amalan Sementara (TPC) atau Sijil Amalan Tahunan (APC) daripada MMC.
- ➔ Mempunyai penguasaan bahasa Inggeris IELTS sekurang-kurangnya tahap Band 6.5 atau setara mengikut kelulusan Senat.
- ➔ Surat pengesahan kedudukan baik (letter of good standing) yang semasa daripada Majlis Perubatan di negara di mana calon tersebut berkhidmat.
- ➔ Menjalani latihan sangkutan klinikal atau makmal selama sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum menyertai program.

YURAN PENGAJIAN & CARA PERMOHONAN HUBUNGI FAKULTI PERUBATAN

Laman Web : <https://www.ukm.my/spsfper>
Emel : medicpostgrad@ppukm.ukm.edu.my

CARTA ALIR PEMILIHAN PELAJAR PROGRAM DOKTOR PAKAR PATOLOGI (MIKROBIOLOGI PERUBATAN)

Calon menduduki peperiksaan Medex

Pemakluman keputusan Medex

Temuduga

Pemakluman keputusan temuduga

Kemasukan calon siswazah ke
Fakulti Perubatan, UKM

